

UPSI, SEAMEO SEN Jalin Kerjasama Strategik, Kukuh Pendidikan Inklusif

Kuching, 25 Julai - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memperkukuh peranannya sebagai hab pendidikan inklusif negara dengan menjadi rakan strategik kepada Regional Centre for Special Educational Needs (SEAMEO SEN) dalam penganjuran Persidangan Antarabangsa Pendidikan Khas keenam (ICSE 2025) yang berlangsung selama dua hari di Hotel UCSI, di sini, baru-baru ini.

Persidangan bertemakan 'Technology for Disabilities: A Path to Inclusion' itu menghimpunkan pakar pendidikan khas, penyelidik, penggubal dasar dan aktivis dari rantau ASEAN serta peringkat antarabangsa, bagi memperkukuh penggunaan teknologi dalam memudah cara akses pendidikan setara untuk kanak-kanak berkeperluan khas.

Majlis turut menyaksikan pemeteraian Surat Hasrat (LOI) antara UPSI dengan SEAMEO SEN bagi memperluas kerjasama dalam bidang penyelidikan, latihan guru, inovasi pendidikan serta pembangunan kapasiti komuniti Orang Kurang Upaya (OKU).

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Datuk Seri Fatimah Abdullah yang hadir menyaksikan majlis berkenaan, menyokong usaha tersebut sebagai transformasi pendidikan yang inklusif.

Menurut beliau, hasil jaringan strategik yang dirintis SEAMEO SEN, UPSI turut menjalin hubungan awal dengan Suruhanjaya Tinggi British, yang membawa kepada pemeteraian persefahaman awal bersama dengan Oxford Education (OxEd), University of Oxford.

"Kerjasama itu bakal membuka peluang dalam bidang latihan guru, penyelidikan dan pembangunan inisiatif pendidikan inklusif bertaraf antarabangsa," ujar beliau.

Dalam mendukung inovasi pendidikan inklusif, UPSI turut memperkenalkan geran pembangunan prototaip bernilai RM10,000 kepada tiga pemenang Platinum bagi setiap kategori dalam Pertandingan Inovasi Pendidikan Inklusif (iDIEC) yang berlangsung serentak dengan ICSE 2025.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kajian Inklusif Komuniti dan OKU (CIRCLE) UPSI, Dr Hasrul Hosshan berkata, inisiatif tersebut merupakan langkah konkrit UPSI dalam menyokong agenda pendidikan berasaskan empati dan teknologi.

"Dengan sokongan geran ini, pemenang bukan sahaja diberi pengiktirafan, malah berpeluang merealisasikan idea kepada produk sebenar yang boleh dimanfaatkan secara meluas oleh komuniti pendidikan khas dan OKU.

Persidangan turut memberi pengiktirafan kepada model pendidikan awal dan intervensi seperti SeDidik dan Pusat OSEIC di Sarawak, yang menunjukkan kejayaan menyantuni kanak-kanak berkeperluan khas melalui pendekatan holistik, latihan guru inklusif dan penggunaan teknologi digital saringan awal, hasil kerjasama dengan syarikat Jepun, TOY8.

"Melalui kerjasama strategik yang terbina, UPSI komited untuk terus mendepani transformasi pendidikan inklusif yang lebih mampan, responsif dan bertaraf antarabangsa," katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI Terbit Buku Interaktif Pertama Adaptasi Sulalatus Salatin, Lengkap dengan AR dan Permainan Digital

Tanjong Malim, 4 Ogos - Tanjung Malim, 4 Ogos 2025 – Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus melakar kejayaan dalam dunia pendidikan dan inovasi apabila sekumpulan penyelidiknya berjaya menghasilkan buku kandungan digital dan permainan video interaktif pertama yang diadaptasi daripada karya agung Melayu, Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu.

Projek ini diterajui oleh Prof. Madya Dr. Norazimah Zakaria dari Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI, bersama pasukan penyelidik yang terdiri daripada Prof. Dr. Jelani Harun, Prof. Madya Dr. Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Dr. Suhazlan Suhaimi, dan Dr. Nurfarahkhanna Mohd Rusli. Menurut Dr. Norazimah, buku bertajuk Pengkisahan Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu ini digarap dengan pendekatan moden yang mesra pelajar, melalui ilustrasi berwarna, infografik, serta **Kejohanan Tenpin Bowling Antara Daerah Negeri Perak 2025**

UPSI, 27 Julai - Menjunjung kasih atas keberangkatan DYAM Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan, Raja Iskandar Dzurkarnain ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah ke Kejohanan Tenpin Bowling Antara Daerah Negeri Perak sempena Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang berlangsung meriah di UPSI Sports Bowl, Tanjong Malim, petang kelmarin.

Turut berangkat dan hadir sama memeriahkan acara ialah YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak; YTM Tunku Dato' Seri Kamel Tunku Rijaludin; YB Dato'

pautan video yang boleh diimbas menggunakan kod QR. Teknologi augmented reality (AR) turut dimanfaatkan bagi menghidupkan semula babak-babak penting dari teks klasik itu.

“Penggunaan visual dan ringkasan cerita yang menarik membolehkan pelajar memahami jalan cerita dan falsafah tersirat Sulalatus Salatin dengan lebih mudah. Bahkan, kandungan digitalnya seperti permainan interaktif kisah ‘Singapura Dilanggar Todak’ berfungsi sebagai aktiviti pengukuhan yang menyeronokkan,” katanya. Karya setebal 92 halaman ini dilihat sebagai satu langkah strategik untuk memastikan warisan ilmu dan nilai estetika dalam Sulalatus Salatin terus dilestarikan dalam dunia pendidikan moden. Ia bukan sahaja sesuai dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah, malah turut menjadi rujukan bernilai buat pelajar universiti dan peminat sastera.

Mohammad Zahir Dato' Abdul Khalid, Yang Di-Pertua Dewan Negeri Perak; YB Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan YB Dato' Mohd Zaki Mahyudin, Pegawai Kewangan Negeri Perak. Turut hadir YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, YB Ahli-Ahli Dewan Negeri, Orang Besar-Orang Besar Negeri Perak, YBhg. Profesor Dato' Dr. Md Amin Md Taff, Naib Canselor UPSI; YDH Toh Indera Jaya Dato' Haji Ishak Haji Mohamed, Presiden Persatuan Tenpin Boling Malaysia (PTBA) serta ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan.



Projek Pemindahan Ilmu (KTP) - Program Let's Enjoy Mathematics (Fraction) Bersama Anak-anak Institusi Pusat Kebajikan Masyarakat Perak

Program “Let's Enjoy Mathematics (Fraction)” menggunakan kit gamifikasi untuk membantu murid di bawah Jagaan JKM memahami konsep pecahan dengan lebih baik, meningkatkan minat terhadap matematik serta mengurangkan keciciran seterusnya membina asas kukuh bagi kemahiran matematik lanjutan. Program ini dijalankan di Rumah Kanak-kanak Sultan Abdul Aziz, Kuala Kangsar, Perak (Jabatan Kebajikan Masyarakat Perak).

Ilmu yang Berjaya dipindahkan:

Pengetahuan Matematik: Program ini berjaya memindahkan pengetahuan dalam matematik, khususnya topik pecahan, kepada anak-anak di Rumah Kanak-kanak Sultan Abdul Aziz di Kuala Kangsar,

Perak. Peningkatan Kemahiran Insaniah: Peserta termasuk pelajar, memperoleh kemahiran insaniah yang berharga seperti kepimpinan, komunikasi dan pengurusan aktiviti.

Hasil Akhir kepada Pembangunan Insan:

Kemahiran Kepimpinan dan Komunikasi: Program ini menyumbang kepada pembangunan kemahiran kepimpinan dan komunikasi dalam kalangan peserta. Pengurusan Aktiviti: Peserta juga meningkatkan kemahiran dalam menguruskan aktiviti yang bermanfaat untuk perkembangan peribadi dan profesional mereka. Pulangan Akhir kepada UA: Pengiktirafan untuk UPSI: Program ini meningkatkan reputasi Universiti Pendidikan

Sultan Idris (UPSI) dan ahli akademiknya sebagai pakar dalam pemindahan ilmu berkaitan pedagogi, penyelidikan dan inovasi.

Isu/ Cabaran Projek: Isu Perancangan dan Pengurusan:

Laporan ini menyoroti cabaran seperti kekurangan masa untuk merancang dan melaksanakan program serta kekangan kewangan.

Ketua Penyelidik dan Penyelidik Bersama:

1. Dr Mohd Afifi Bahurudin Setambah – Ketua (FPM)
2. PM Dr Mohd Nazir Bin Zabiti (FPM)
3. Dr Syaza Hazwani Zaini (FPM)
4. Dr Anis Norma Mohammad Jaafar (FPM)

